

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
(KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR**

} minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan sebarang bentuk ketirisan atau kebocoran dalam keseluruhan pengagihan BR1M memandangkan Bajet 2015 menggariskan 87.5 peratus daripada hasil kutipan daripada GST pada 2015 akan disalurkan kembali kepada rakyat melalui pakej-pakej bantuan seperti BR1M.

**JAWAPAN**

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah merupakan salah satu bantuan tunai jangka pendek yang bermatlamat untuk membantu

meringankan beban kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah terutamanya dalam mendapatkan keperluan barang harian.

2 Bagi mengurangkan ketirisan dan memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M, proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan membuat semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang layak sahaja.